

Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan Non-Formal Di Kalangan Belia

Oleh
Azimi Hamzah, Ph. D

Pengenalan

Peringkat belia merupakan tahap pertumbuhan seseorang manusia yang amat genting. Ketika ini individu meninggalkan zaman remajanya yang menandakan berakhirnya masa pergantungan kepada ibu bapa dan bermulanya masa berdikari. Perpisahan ini bukan satu perkara yang mudah, terutamanya apabila mereka masih mengharapkan bantuan kewangan daripada keluarga sambil belajar untuk hidup bebas. Di tahap ini juga anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa depan mereka. Mereka mula memusatkan tenaga dan minat ke arah pertumbuhan dan pembangunan diri. Dengan perkataan lain mereka mula dibebankan dengan kemungkinan menghadapi kegagalan yang akan menyebabkan mereka mengalami pelbagai masalah peribadi dan sosial. Sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang wajar ada kemungkinan mereka akan mengasingkan diri, membuat keputusan yang melanggar kebiasaan dan seterusnya menjadi beban kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Masyarakat dan negara mahukan belia mempunyai akhlak mulia, produktif, berkemahiran dan melaksanakan amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan Penciptanya. Matlamat yang sebegini luas tidak dapat dipenuhi melalui sistem persekolahan formal semata-mata. Walau bagaimanapun sistem persekolahan berupaya memberi pendedahan awal ke arah pencapaian matlamat tersebut.

-
- * Kertas kerja yang dibentangkan di bengkel pegawai-Pegawai Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan bertempat di IKBN, Port Dickson
 - * Prof. Madya/ Ketua Unit Pengajian Pembangunan Belia, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang Selangor

Malangnya banyak belia yang tidak dapat mengikuti persekolahan secara berterusan (mungkin kerana gagal dalam peperiksaan, kesempitan hidup keluarga, cacat dan sebagainya). Oleh yang demikian satu pendekatan pendidikan yang lebih dinamik diperlukan untuk menyediakan belia (terutamanya mereka yang meninggalkan pendidikan formal terlalu awal) agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian satu pendekatan pendidikan yang lebih dinamik diperlukan untuk menyediakan belia (terutamanya mereka yang meninggalkan pendidikan formal terlalu awal) agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Di antara strategi utama pada Pendidikan yang dinamik ialah Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan Non-F atau Tidak formal, kedua-dua sistem ini boleh diterima sebagai pendidikan berterusan untuk membangunkan belia. Kerats kerja ini akan meneliti system-sistem pendidikan ini dalam konteks pembangunan belia.

Pendidikan Pengembangan

Sistem pendidikan Pengembangan bertujuan untuk mengembleng sumber manusia dan sumber-sumber lain ke arah penyampaian matlamat pembangunan individu, masyarakat dan negara. Konsep asal sistem ini berkaitan dengan menyampaikan maklumat-maklumat ternikal dan pusat penyelidikan kepada para petani. Seajar dengan perkembangan semasa Pendidikan Pengembangan bolehlah ditakrifkan sebagai:

Satu proses katalisis dan fasilitasi pembelajaran yang dinamik ke arah membangunkan individu, kelompok dan organisasi agar boleh berusaha memperbaiki diri, masyarakat dan negara.

Untuk mencapai matlamat di atas, pendidikan pengembangan menggunakan pendekatan-pendekatan seperti berikut:

1. Menyebarkan maklumat melalui tulisan, lisan, pengalaman sebenar dan perbandingan.
2. Menggalakkan, mendorong dan memberi inisiatif.
3. Membantu mengenal pasti masalah dan isu.
4. Memberi perkhidmatan secara sistematik.

5. Menyedia, membentuk dan mengemuleng sumber (terutamanya struktur kepimpinan)
6. Memberi maklumbalas yang sesuai.
7. Menggalakkan pembangunan manusia.

Dalam keadaan biasa, sesuatu pendidikan pengembangan selalunya dilihat dari aspek khidmat dan kaedah – iaitu dari aspek proses sahaja. Proses merupakan salah satu komponen dari sistem pengembangan yang lebih merangkumi. Memahami yang sesuatu system pengembangan itu tidak terhad kepada aspek proses sahaja, maka penelitian kepada beberapa sistem pendidikan pengembangan akan memudahkan seseorang mengikuti perbincangan mengenai asas dan prinsip sesuatu pendidikan pengembangan.

Terdapat beberapa system pendidikan yang diamalkan oleh Kementerian/ Jabatan dan juga swasta dalam rangka membangunkan sektor pertanian dan masyarakat luar Bandar dalam sesebuah negara. Sistem-sistem ini boleh dibahagikan kepada tujuh kategori seperti berikut:

1. Sistem Pengembangan Tradisi – selalunya dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan bermatlamat hanya untuk meninggikan produktiviti dalam sesuatu negara.
2. Sistem Latihan dan Lawatan (2L) – system yang diterima untuk meningkatkan keberkesanan pengembangan tradisi. Di bawah sistem ini pekerja pengembangan barisan hadapan menerima latihan yang berterusan di bawah penyeliaan seorang pegawai pengembangan yang membuat laporan kepada seorang penyelar. Latihan disokong oleh beberapa orang pakar dalam bidang-bidang tertentu. Pekerja barisan hadapan pula mengikuti jadual yang tertentu untuk melatih dan melawat kumpulan sasaran.
3. Sistem pengembangan yang berasaskan Universiti – Amerika Syarikat ialah negara yang memulakan system ini di mana kerajaan pusat, negeri dan universiti tempatan (wakil kerajaan tempatan) bergabung untuk menyediakan khidmat serta kepakaran dalam meningkatkan sector pertanian dan pembangunan kawasan.
4. Sistem Pembangunan Komoditi dan Pengeluaran Sistem ini menumpukan kepada pengeluaran dan pemasaran komoditi yang bernilai tinggi secara efisien dan efektif mungkin. Penjagaan kualiti adalah penting dan agen pengembangan hanyalah memberi nasihat teknikal dan input.

5. Pembangunan Bersepadu – system ini menggabungkan pendekatan pembangunan kompditi dan pembangunan pertanian yang melibatkan penerima dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Selain dari matlamat ekonomi, system ini juga mempunyai matlamat meningkatkan kesihatan dan pendidikan asas penerima.
6. Program Pembangunan Pertanian Bersepadu – Sistem ini berkait rapat dengan projek yang di biyai oleh pinjaman kewangan yang agak besar serta mempunyai system pengurusan dan sokongan tersendiri. Sistem ini berorientasikan kepada pengeluaran yang ,elibatkan pendekatan bersepadu bersama dengan agensi-agensi lain.

Rata-rata system di ats dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keadaan sesuatu negara. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian yang dibuat berlaku kepada prosesnya sahaja dan tidak kepada asas dan prinsip sesuatu sistem itu. Di antara sistem-sistem ini, yang paling popular ialah sistem latihan dan Lawatan (sistem 2L). Sistem 2L diamalkan oleh lebih 40 negara di Asia Afrika dan Latin Amerika. Ia telah diperkenalkan pada pertengahan tahun 70-an di negara-negara pembangunan yang meminjam pembiayaan Bank dunia untuk memberi nafas baru kepada system pengembangannya. Di Malaysia, sistem 2L mula bertapak pada tahun 1978 debgan pelancaran Program Pengembangan Nasional. Kehadiran system ini di Malaysia telah banyak mempengaruhi pendekatan-pendekatan pengembangan agensi-agensi ini juga.

Pengasas Sistem 2L telah memberi tujuh prinsip perlaksanaannya.

1. Professionalisma – Pekerja pengembangan mestilah berkeupayaan mengenalpasti masalah di lapangan dan membawa kepada penyelidik untuk mendapatkan jawapan yang sahih. Seterusnya pekerja pengembangan hendaklah mempunyai keupayaan menyampaikan hasil penyelidikan kepada penerima dengan berkesan.
2. Semua pekerja pengembangan dan pegawai sokongan yang lain hendaklah berada di bawah satu struktur pentadbiran.
3. Pekerja pengembangan hendaklah menumpukan segala usahanya kepada memberi khidmat dan tidak dibebankan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang tidak berkaitan. Tumpuan sepenuhnya bermakna memberi penekanan kepada meningkatkan pengeluaran pertanian

4. Semua aktiviti mestilah tertakluk kepada penjadualan yang rapi. Amalan begini dapat memastikan peluang maklumbalas dari lapangan kepada pengurusan, penyelidikan dan sebagainya.
5. Berorientasikan lapangan petani – Perhubungan pekerja pengembangan dengan petani hendaklah berterusan mengikut jadual yang telah disusun. Tiap-tiap perjumpaan dengan petani di lapangan hendaklah menumpukan mencari jawapan kepada persoalan. Bagaimana aktiviti yang di cadangkan dapat memberi faedah kepada petani?. Sekiranya faedah serta keuntungan tidak jelas, pendekatan juga aktiviti perlu diteliti semula.
6. Latihan untuk pekerja pengembangan mestilah kerap dan berterusan. Dua aspek latihan hendaklah dibekalkan kepada mereka.
 - o Mengenai perkara teknikal yang akan meningkatkan pengeluaran.
 - o Mengenai kemahiran-kemahiran dalam menjalankan kerja-kerja pengembangan bagi menggalakkan petani mengamalkan segala syor-syor teknikal yang disampaikan.

Asas-asas dan prinsip-prinsip penting sistem 2L yang dibincangkan telah dapat memberi kefahaman mengapa mekanisma sistem 2L terbentuk seperti yang ada sekarang. Seperti yang dijalankan sebelum ini, walaupun negara-negara yang menggunakan system 2L, ini telah membuat pengubahsuaian, namun begitu rata-rata asas dan prinsipnya kekal tidak banyak berubah. Sistem 2L telah mencapai satu tahap kejayaan dalam membangunkan masyarakat luar Bandar termasuk para belia.

Pendidikan Non-Formal

Dalam abad ini, perubahan yang paling ketara dalam bidang pendidikan ialah perubahan ke arah memperluaskan skop pendidikan serta pengiktirafan. Pendekatan ini bertujuan mendidik individu-individu yang telah meninggalkan alam persekolahan atau yang ingin terus belajar agar mereka berupaya menghadapi perubahan diri dan persekitaran. Sistem pendidikan ini berlaku di luar system pendidikan sekolah dan dianggap sebagai pendidikan non—formal. Pendidikan non-formal boleh memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran secara khusus atau secara umum seperti menimba ilmu, mengubah sikap dan menambah kemahiran melalui pengalaman. Dalam kontek

pembangunan belia, criteria umum pendidikan non-formal boleh diterima seperti berikut:

Tujuan: untuk menghasilkan pertumbuhan individu belia yang sihat dan seimbang dalam pembangunan rohani, social, ekonomi, kebudayaan dan politik.

Penerima: individu belia atau kumpulan yang bersedia memikul tanggungjawab untuk memperbaiki diri serta memberi sumbangan kepada pembangunan keluarga, kumpulan, masyarakat dan negara.

Strategi: pendidikan melahir agensi dan menggunakan kemudahan yang sedia ada atau penerima sendiri menjadi agen pendidikan serta terlibat secara aktif. Kehadiran tenaga pelajarhanyalah untuk memudahkan proses pembelajaran dan bukan memaksa.

Oleh yang demikian, pendidikan non-formal bolehlah ditakrifkan sebagai apa jua bentuk pengalaman pembelajaran di mana individu belia atau kumpulan melibatkan diri secara aktif untuk pertumbuhan rohani, sosial, ekonomi, budaya dan politik yang sihat dan seimbang. Pendidikan non-formal merangkumi segala aktiviti pembelajaran yang beroperasi di luar sistem pendidikan formal bagi pelbagai keperluan penerima.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, Pendidikan Pengembangan adalah termasuk dalam pendidikan non-formal. Walau bagaimanapun system Pendidikan pengembangan telah diterima sebagai satu institusi yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan dikaitkan dengan pembangunan luar Bandar, khususnya sektor pertanian. Pendidikan Non-Formal, secara spesifik boleh dijuruskan dalam memberi pendedahan kepada aspek-aspek kemahiran. Perbincangan seterusnya menekankan aplikasi Pendidikan Non-Formal dalam meningkatkan kemahiran dan penyediaan diri belia sebagai sumber tenaga manusia.

Pembangunan Belia melalui Pendidikan Non-formal

Pendidikan Non-Formal berkeupayaan menggalakkan pembangunan belia ke arah peningkatan produktiviti. Dengan kata lain, pendidikan non-formal boleh mendedahkan serta menyediakan belia agar menceburkan diri dalam pekerjaan tertentu atau meningkatkan keupayaannya bekerja.

Untuk mendapatkan kesan kepada pembangunan belia, adalah diharapkan Pendidikan Non-formal bukan sahaja menumpukan kepada mengajar kemahiran melalui latihan tetapi mengambil kira faktor sokongan yang lain seperti mewujudkan penyelarasan dan bekerjasama antara agensi dan badan-badan berkaitan dalam mengintegrasikan aktiviti dan latihan; melibatkan belia secara langsung dalam meningkatkan kemahiran serta membuka peluang kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti yang tidak mempunyai sumber, yang cacat dan sebagainya.

Secara amnya penerima Pendidikan Non-Formal boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar. Kumpulan ini terdiri daripada belia yang bekerja sepenuh masa, separuh masa dan belia yang bercadang melibatkan diri dalam pekerjaan. Mereka merupakan kumpulan terbesar penerima Pendidikan Non-Formal. Berdasarkan kepada keperluan dan tahap kemahiran kumpulan ini, pendidikan yang diperlukan merangkumi aspek-aspek seperti pengurusan, penyimpanan rekod, penggunaan kredit, mengira untung-rugi, penggunaan input mutakhir, peningkatan amalan menyimpan dan memproses hasil, penjagaan jentera dan peralatan ladang, penggunaan sumber dan termasuk kesihatan, makan-pemakanan, ekonomi rumahtangga dan keluarga sempurna dan sebagainya.

Kumpulan penerima kedua terdiri daripada para belia yang mempunyai potensi untuk memperluaskan pekerjaannya. Golongan ini terdiri daripada mereka yang terlibat dengan kerja-kerja mahir (artisan) yang berkaitan dengan perniagaan, usahawan, mekanik, bidang elektrik dan elektronik dan sebagainya. Dengan perkembangan bidang pertanian, serta pemodenan luar Bandar, pendapatan masyarakat desa meningkat dan ini diikuti dengan perubahan corak hidup – dan di antara antara implikasinya ialah bertambahnya bilangan kumpulan artisan. Perkembangan ini bermula dengan bertambahnya aktiviti yang sedia ada seperti kelas/kedai jahitan, kelas/kedai gunting, kerja binaan dan pertukangan; dan

diikuti bidang-bidang yang agak baru seperti pemerosesan makanan menggunakan alat moden, membaiki jentera/peralatan lading/kenderaan, membaiki radio/peti sejuk/alat-alat domestik yang lain dan kraftangan. Semua bidang pekerjaan ini memerlukan latihan yang berlainan dan khusus atau paling kurang ialah bentuk latihan yang sedia ada diberi nafas baru.

Kumpulan penerima kedua juga merangkumi para belia yang terlibat dengan pekerjaan yang berkaitan dengan tanaman, ternakan dan laut (tetapi bukan sebagai petani, peternak atau nelayan) seperti peruncit atau pembekal input/alat pertanian dan bahan keperluan yang lain; sebagai pembekal khidmat nasihat; sebagai pengumpul serta memasarkan hasil lading; dan industri-industri kecil yang berasas pertanian. Latihan yang diperlukan untuk vokasi seperti ini merangkumi kemahiran seperti aspek-aspek teknikal yang berkaitan dengan sesuatu jenis usaha ataupun perkhidmatan; menjaga kualiti; pengetahuan untuk penasihat/menarik pelanggan; dan kemahiran pengurusan seperti merancang perniagaan; menyimpan rekod dan akaun; memperolehi serta menjaga inventori; menganalisis pasaran serta kaedah penjualan; perhubungan sesama pekerja juga dengan pelanggan; dan pengetahuan tentang perkhidmatan kerajaan, peraturan kerajaan cukai serta penggunaan kredit.

Kumpulan penerima ketiga Pendidikan Non-formal tidak kurang pentingnya walaupun ianya merupakan kumpulan kecil. Pembangunan negara memerlukan pemimpin, perancang, pengurus yang bernafas baru yang berkeupayaan mengenalpasti unsur-unsur penting dalam situasi luar bandar, menentukan keutamaan melalui musyawarah, menyusun rancangan kerja yang praktikal serta berkeupayaan menggerakkan sumber dan pelaksanaan program dengan berkesan. Adalah jelas yang masyarakat memerlukan pemimpin yang berkemahiran dalam pengurusan seperti dalam pertubuhan-pertubuhan petani, nelayan, wanita belia, koperatif kampung, pentadbiran tempatan, industri kecil dan sebagainya. Di antara kemahiran yang diperlukan kumpulan ini termasuklah kemahiran am berkaitan dengan pentadbiran, perancangan, pelaksanaan, penyebaran maklumat, dan menggalakkan aktiviti; kemahiran teknikal yang berkaitan dengan keperluan tertentu; dan kemahiran kepimpinan untuk memupuk minat komuniti, mewujudkan tindakan kumpulan bekerja dalam kumpulan dan mendapat sokongan pihak atasan, agensi dan juga badan-badan sukarela.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa skop Pendidikan Non-Formal luar Bandar mempunyai beberapa perbezaan dan skop pendidikan bandar. Di antara perbezaan ialah :

1. Kemahiran untuk belia luar bandar lebih membentuk am dan kurang sifistikated jika dibandingkan dengan di Bandar;
2. Keperluan kemahiran dari satu lokasi luar bandar mungkin berbeza dari lokasi yang lain
3. Ekonomi luar bandar lebih tertumpu kepada usahawan kecil – kemahiran teknikal dan pengurusan dikendalikan oleh usahawan kecil. Mereka yang terlibat rata-rata daripada yang bekerja sendiri;
4. Amnya penerima Pendidikan Non-Formal luar Bandar mempunyai pendidikan rendahdaripada penerima di bandar;
5. Ekonomi luar bandar tidak berkeupayaan menghadapi pertukaran kemahiran yang pesat –oleh yang demikian , mengajar kemahiran khusus dan sifistikated yang tidak ada pasaran tempatan mungkin hanya membuang masa peserta sahaja (kerana tidak dapat diamalkan).


Peranan Agensi Pembangunan Belia dalam memajukan Pendidikan Non-Formal

Berdasar kepada senario belia masakini dan potensi yang terdapat pada agensi-agensi pembangunan belia, Pendidikan Non-Formal boleh dimajukan lagi melalui penelitian serta serta pengubahsuaian kepada proses penganjuran dan pengendalian serta *sistem* pentadbiran agensi- agensi berkenaan. Adalah jelas bahawa kebanyakan Pendidikan Non-Formal yang dikendalikan oleh agensi pembangunan belia ditetapkan di peringkat atas dan jarang melibatkan penganalisan ke atas belia mengenai program yang sesuai. Strategi menggunakan pendekatan serta program yang *standard* perlu diteliti semula kerana keperluan berbeza dari satu lokasi ke satu lokasi, dan kedapatan juga berbeza dan tempat ke tempat.

Dalam meningkatkan proses pendidikan berterusan di kalangan belia dalam suasana tidak formal, agensi-agensi pembangunan belia perlu, pada kebanyakan masa memainkan peranan sebagai pemudahcara, penggerak atau pemangkin yang meletakkan para belia sebagai tumpuan utama. Agensi-agensi pembangunan belia perlu mengelakkan peranan sebagai pengarah yang bersikap semua tahu. Pendidikan secara tidak formal adalah lebih berbentuk sukarela yang

berasaskan kesedaran dan minat. Oleh yang demikian peranan agensi pembangunan belia bukanlah setakat membawa perubahan pengetahuan dan kemahiran tetapi perlu juga memberi tumpuan kepada perubahan dan meningkatkan minat belia secara berterusan.

Rajah 1 di bawah menjelaskan lagi peranan agensi-agensi pembangunan belia dalam proses memberi pendidikan tidak formal kepada belia. Agensi yang terlibat hendaklah terlebih dahulu memahami konteks di mana program non-formal akan dikendalikan dan di mana kemahiran yang dipelajari akan diamalkan. Dengan memahami situasi, persekitaran dan bakal penerima, agensi pembangunan belia boleh membentuk program atau latihan yang diperlukan oleh sesuatu kumpulan belia. Proses begini boleh meyakinkan kedua-dua pihak -- agensi dan belia, tentang keperluan yang mendesak, yang nyata dan yang masih kabur. Peranan menganalisis situasi ini adalah merupakan peringkat pertama dalam proses pendidikan tidak formal bagi belia (Sila lihat Rajah 1).



Rajah 1 menunjukkan satu proses yang berterusan.

Peranan agensi pembangunan belia mungkin bertambah mencabar lagi dari semasa ke semasa--di mana perubahan mempunyai implikasi kepada terbentuknya keperluan-keperluan yang baru. Untuk memenuhi keperluan yang baru ini proses yang dibincangkan awal tadi perlu diikuti semula agar pendidikan non- formal dapat sumbangan yang mantap kepada pembangunan belia.

Perbincangan di atas mengenai agensi-agensi pembangunan belia menyentuh juga tentang peranan yang berkaitan dengan system dan struktur. Sekiranya system dan struktur badan-badan berkenaan tersusun dan dapat menampung keperluan vokasi para belia secara langsung pendidikan non-formal juga dapat dipertingkatkan. Di antara peranan badan-badan berkenaan untuk meningkatkan sistem dan struktur agensi bagi memajukan Pendidikan Non - Formal termasuklah:

1. Memperluaskan Memperluaskan bidang/skop Pendidikan Non-formal;
2. Melatih pegawai untuk memberikan latihan/pendidikan yang berkesan dalam aspek teknikal, pengurusan, pemiagaan dan kepimpinan dalam konteks keperluan luar bandar yang sentiasa berubah;
3. Memperkukuhkan struktur organisasi serta meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan kepakaran;
4. Memperkukuhkan jawatankuasa di peringkat daerah, mukim dan kampung bagi tujuan penyelarasan, kerjasama serta intergasi aktiviti pendidikan Non-formal
5. Memperkukuhkan penyeliaan, susulan dan penilaian ke atas peserta Pendidikan Non-formal yang mempraktikan kemahiran yang dipelajari;
6. Mengemaskini kurikulum dan modul Pendidikan Non-formal
7. Memperluaskan penyebaran maklumat dan membuat kempen dari semasa ke semasa dan
8. Mengendalikn pemerhatian dan penyelidikan secara berterusan.

Penutup

Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan Non-Formal untuk belia adalah sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan belia sebagai rakan pembangunan. Belia memerlukan bimbingan yang sistematik dan berkesan kerana di tahap ini anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang mempengaruhi masa depan mereka. Keperluan bimbingan ini lebih meruncing bagi belia yang berada di luar sistem persekolahan formal. Tanpa bimbingan yang tersusun, belia bergerak tanpa haluan dan mudah terjerumus ke dalam kancah keruntuhan moral yang akan merugikan dirinya.

Pendekatan Pendidikan Non-Formal sesuai digunakan untuk membangunkan belia kerana ia dinamik, sistematik dan berdasarkan kepada fakta, boleh menerima cabaran untuk memenuhi keperluan-keperluan belia; mementingkan perubahan pengetahuan, sikap dan kemahiran; dan boleh dilaksanakan di luar system pendidikan formal.

Rujukan

Azimi Hamzah. (1994). "Pendidikan Berterusan". *Majalah Pengembangan*, Jilid 17, Bil. 2.

Department of Agriculture Malaysia (1987). *Development Support communication Resource for Agricultural/Rural Development*. Kuala Lumpur: Department of Agriculture of Agriculture Malaysia

Nafsiah Mahfoz dan Azimi Hamzah. (1986). "Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Pendidikan Non –Formal dalam Konteks Perpaduan Negara" *Negara*, Jilid X, Bil. 2.

Rivera, William M. dan Susan G. Schroun. (1987). *Agricultural Extension World Wide: Issues Practices And Emerging Priorities*. New York: Croom Helm.